

Teks Ucapan Perasmian

Yang Berusaha Ts. Dr. Siti Aiasah binti Hashim

Ketua Pengarah

Agensi Nuklear Malaysia

di

Majlis Perasmian

Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik

2021

pada

29 Jun 2021

Secara atas talian (zoom)

pada

Jam 9.00 pagi

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM

Saudari pengerusi majlis

- 1. YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Nazip Suratman**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UiTM

- 2. YBhg. Datuk Haji Abang Sallehuddin Abang Shokeran**
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

- 3. YBrs. Encik Mohd Faizal Aziz**
Pengasas / Ketua Editor Majalah Sains

- 4. YBrs. Dr. Ahmad Firdaus Mohd Haris**
Pengerusi & Pengasas bersama Medical Mythbusters Malaysia

- 5. YBhg. Profesor Ir Dr Zuhaina Haji Zakaria**
Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPsis)

- 6. YBhg. Profesor Dr Nooritawati Md Tahir**
Pengarah Nexus Penyelidikan UiTM (ReNeU)

- 7. YBrs. Encik Mohd Sidek bin Othman**
Pengerusi Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2021
dari Agensi Nuklear Malaysia

- 8. YBrs. Profesor Madya Dr Siti Noor Hajjar Md Latip**
Pengerusi bersama Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik
2021
dari Universiti Teknologi MARA (UiTM)

- 9. Ketua-ketua jabatan**

10. Pembentang – pembentang kertas kerja

11. Para peserta dan hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Seminar dan Penulisan & Penerbitan Saintifik 2021 pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan peserta seminar sekalian kerana dapat hadir untuk sama-sama menjayakan **Seminar dan Penulisan & Penerbitan Saintifik 2021** anjuran bersama Agensi Nuklear Malaysia dengan Universiti Teknologi Mara dan Dewan Bahasa & Pustaka Malaysia serta di sokong oleh Majalah Sains
3. Seminar ini turut disokong oleh Majalah Sains, sebuah wadah yg menyiarkan artikel sains yg bertujuan meningkatkan literasi awam terhadap sains. Gaya penulisan secara santai bersesuaian dengan pemahaman masyarakat dari pelbagai lapisan.
4. Alhamdulillah juga, pada tahun ini, walaupun kita mendepani dugaan hebat dari pandemik Covid-19, penganjuran seminar yang memasuki kali ke dua belas (12) ini masih dapat dilaksanakan secara maya menggunakan platform digital. Saya turut berasa bangga kerana pada hari ini kita masih dapat bersama untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dalam bidang yang amat

penting serta mencabar ini demi menyebar luas dan memasyarakatkan sains dan teknologi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Seminar kali ini mengangkat tema **“SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA DALAM NORMA BAHARU”**. Tema ini sangat relevan dengan situasi yang kita hadapi sekarang dan juga searus dengan Dasar Sains, Teknologi, Inovasi (DSTIN) 2021-2030 yang baharu dilancarkan. Dengan enam teras, 20 strategi dan 46 inisiatif, ia berupaya memacu pembangunan negara berteraskan teknologi tinggi. DSTIN bukan sekadar menggagaskan teras peningkatan pembangunan teknologi. Sebaliknya, teknologi mesti membangunkan kepakaran tempatan dengan harapan kita dapat mengelak kepada pergantungan pemindahan teknologi luar.
6. Yang Berhormat Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dalam dalam kenyataan beliau menyatakan bahawa “sains merupakan elemen penting yang memungkinkan bukan sahaja kawalan terhadap pandemik itu, tetapi juga adaptasi terhadap perubahan gaya hidup masyarakat. COVID-19 telah berjaya melonjakkan peranan sains, teknologi dan inovasi menjadi perkara asas dalam kehidupan”.
7. Bagi permulaan, masyarakat seharusnya mempunyai literasi sains bermula dengan kepercayaan dan kesedaran terhadap kepentingan sains dalam menangani pelbagai aspek kehidupan dan kemanusiaan. Sekali lagi, pembudayaan STI hingga

ke peringkat akar umbi masyarakat memerlukan tindakan bersepadu terutama aspek penyelarasan, pemantauan dan pengiktirafan inisiatif secara berpusat. Malah, penggunaan teknologi perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi sains dan memudahkan capaian maklumat dalam masyarakat.

8. Dapat saya simpulkan bahawa pelaksanaan agenda sains, teknologi dan inovasi yang merupakan satu pengiktirafan kepada kepakaran yang dimiliki negara. Justeru itu, tema 'SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA DALAM NORMA BAHARU' sangat bertepatan untuk tema seminar pada kali ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Apabila di sebut perihal penulisan, cetusan itu bermula dari sebuah idea. Dari idealah berkembangnya kepada tema dan topik serta melakukan penyelidikan seterusnya. Tetapi kebiasaannya idea tersebut akan tersekat dan terhalang kerana kita tidak pasti adakah apa yang kita hendak tulis atau terbitkan itu bersesuaian dan bukan menjadi satu penulisan yang boleh diterbitkan. Kita akan merasa ragu-ragu samada perkara yang hendak kita sampaikan berkenaan mencapai hasrat orang lain atau dapat difahami oleh pembaca.
10. Dari pengalaman saya sendiri sebagai pegawai penyelidik dahulunya, tanggungjawab ini adalah besar dimana tugas ini bukan sekadar menjadi penyelidik, tetapi bertindak sebagai medium ilmu yang dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan hasil kajian kepada masyarakat. Sudah pasti tanggungjawab

tersebut amat dinantikan oleh masyarakat untuk mengetahui hasil kajian serta impak kajian yang dapat memberi manfaat kepada negara.

11. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (RnD) yang merupakan agen perubahan dan pertumbuhan sosio-ekonomi perlu ditekankan dan hasil penyelidikan seharusnya dapat diguna dalam pelbagai bentuk mengikut kesesuaiannya, sama ada melalui penjana ilmu dan teknologi baru, penerbitan, penghasilan paten, pembangunan produk dan penghasilan tenaga kerja mahir serta berpengetahuan tinggi. Namun kita sedar bahawa tidak semua hasil penyelidikan berakhir dengan produk dan terdapat juga hasil penyelidikan khususnya penyelidikan asas yang menyumbang kepada penciptaan ilmu baharu, pemindahan ilmu, kesejahteraan sosial masyarakat serta memberi impak kepada kehidupan.
12. Ini jelas menunjukkan bahawa hasil dari penyelidikan itu mampu memberikan satu kesan sama ada meningkatkan kualiti hidup atau memberikan satu budaya baru yang lebih baik kepada seluruh masyarakat. Matlamat ini dapat dicapai jika semua hasil penyelidikan dan pembangunan diterbitkan dan disebarluaskan ke segenap lapisan masyarakat.
13. Kita dapat melihat bahawa salah satu kriteria pengukur prestasi penyelidikan itu sendiri adalah penerbitan saintifik boleh dihasilkan seperti buku, bab dalam buku, monograf artikel dalam jurnal, laporan rujukan teknikal, artikel/jurnal berwasit, prosiding seminar, laporan kontrak, senarai paten dan lain-lain lagi. Merit akan menjadi menarik jika penerbitan itu dapat diiktiraf statusnya di peringkat tempatan dan antarabangsa.

14. Suka saya ingin berkongsi di sini bahawa laporan jumlah penerbitan penyelidikan oleh MASTIC (*Malaysian Science and Technology Information Centre*) di dalam *National Survey of Research and Development (R&D) in Malaysia 2019*, keseluruhan penerbitan saintifik di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang besar berbanding tahun sebelumnya terutama oleh institusi pengajian tinggi. Namun begitu, penghasilan penerbitan saintifik oleh Agensi dan Institusi Penyelidikan Awam (*Government Research Institute and Agencies*) menunjukkan sedikit penurunan. Oleh itu, usaha bagi mempergiatkan penulisan dan penerbitan saintifik ini wajar dipertingkatkan supaya hasil dapatan kajian dapat di sebar luas dan manfaat dapat dinikmati bersama.

15. Saya yakin institut dan organisasi tuan-puan pasti mempunyai KPI tersendiri sebagai satu usaha untuk mengukuhkan dan memantapkan keupayaan dan mengasah tenaga penyelidik (*re-skilling* dan *up-skilling*) dan menghasilkan ilmu baharu. Tidak dilupakan bahawa kita sedang berhadapan dengan norma baharu dalam bidang S&T, maka adalah menjadi satu cabaran baharu kita untuk sama-sama perlu bertindak secara lebih agresif, kreatif dan berinovasi dalam norma baharu ini bagi penghasilan penerbitan saintifik mengikut trend masa kini. Saya akan berkongsi lanjut info dalam sesi ucap tema selepas perasmian ini nanti .

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Agensi Nuklear Malaysia sebagai agensi penyelidikan dalam bidang teknologi nuklear bertanggungjawab menggalas misi dalam meneraju kecemerlangan dalam

penyelidikan dan penggunaan teknologi nuklear untuk pembangunan lestari. Sebagai institut penyelidikan yang berlandaskan sains, teknologi dan inovasi, Nuklear Malaysia berazam untuk menjadikan sains dan teknologi sebagai penjana ilmu, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan negara.

17. Dalam peranan penyebaran ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat, Agensi Nuklear Malaysia melalui Pusat Kecemerlangan Nuklear kami ada menawarkan kursus-kursus jangka pendek, kolokium, bengkel, seminar dan persidangan dalam 8 bidang utama berkaitan teknologi nuklear dan berkaitan. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada pegawai penyelidik Nuklear Malaysia sendiri dan dibantu oleh agensi lain. Dengan kepakaran & hasil penyelidikan ini, maka pengurusan pengetahuan (KM) mereka turut di terjemahkan dalam bentuk penulisan buku teks terbitan Nuklear Malaysia yang dijadikan sebagai buku rujukan kepada para peserta dan orang awam.

18. Nuklear Malaysia berbesar hati dan sentiasa membuka pintu agensi kami serta menyambut baik kepada mana-mana institut mahu pun organisasi untuk bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

18. Saya ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan kepada penganjur bersama seminar ini iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Ini merupakan kali pertama pihak UiTM terlibat dalam penganjuran seminar ini. Diharapkan satu jalinan kerjasama kukuh diantara

Agensi Nuklear Malaysia dan UiTM akan terus berkembang mekar dan berakar umbi. Saya difahamkan satu MoU antara Agensi Nuklear Malaysia dan UiTM dibawah skop penerbitan dan penyelidikan akan ditandatangani dalam masa terdekat.

19. Dewan Bahasa dan Pustaka pula, kita mengetahui 'kejaguhan' mereka sebagai satu organisasi yang penting dalam menyumbang ke arah membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.
20. Hasil kerjasama Bersama DBP, 11 buah buku berjaya ditulis oleh penyelidik Nuklear dan diterbitkan oleh DBP. Manakala terdapat 5 buah buku lagi dalam proses penerbitan. Insya allah kini, Nuklear Malaysia juga dalam proses akhir pemurnian Ensiklopedia Sains Nuklear yang dijangka akan diterbitkan pada awal 2022. Selain itu, turut sedang dalam proses untuk pemetaan bidang bagi menerbitkan Glosari Sains dan Teknologi Nuklear.
21. Dijangka pada akhir tahun, MoU lanjutan kerjasama antara Nuklear Malaysia dan DBP akan dimeterai dalam skop penulisan dan penerbitan saintifik.
22. Boleh saya katakan bahawa 'Bahasa itu jiwa bangsa'. Penguasaan dan penyampaian ilmu sains dan teknologi yang tinggi secara meluas dan merata di kalangan rakyat dengan cara yang paling berkesan adalah dengan perantaraan bahasa kebangsaan rakyat itu sendiri kerana kemudahan pembelajaran dan pemahamannya, bukannya dalam sebuah bahasa asing.

Inilah yang telah berlaku kepada negara-negara di Eropah dalam zaman revolusi industrialisasi mereka, dan juga di Asia pada Abad ke-20 seperti di Jepun, Korea, Cina Taiwan dan Republik Rakyat China, yang telah menggunakan bahasa kebangsaan mereka sendiri untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada seluruh rakyat. Apabila penulisan hebat ini ditulis di dalam bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu, sekali gus mengangkat martabat bahasa dan bangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

23. Saya amat berharap agar seminar ini dijadikan sebagai medium untuk bertemu dengan pakar tempatan bagi meneroka peluang penulisan dan penerbitan yang terbentang luas selain meningkatkan kemahiran dalam bidang penulisan yang berbentuk kreatif dan penerbitan saintifik yang dinamik, kreatif dan berilmu.
24. Saya percaya dengan adanya seminar seperti ini, kita dapat terus menyemarakkan semangat karyawan untuk lebih produktif di samping menggilap bakat penulis baharu. Saya juga berharap agar program yang telah diatur ini berjalan dengan lancar dan dapat memberikan input yang berguna kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua.

Akhirul kalam, dengan lafaz **Bismillahirrahmannirrahim**, saya merasmikan **Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik dan Bengkel 2021.**

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.